

555

KESIHATAN-SIOK YEW. 1974

KUALA LUMPUR, 1 DIS. (BERNAMA) -- MENTERI KESIHATAN, TAN SRI LEE SIOK YEW BERKATA HARI INI, KEMENTERIANNYA DAN KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN BERBINCANG TENTANG PENGGUNAAN LEBIH BANYAK KAYU DAN LAIN-LAIN BAHAN TEMPATAN BAGI PEMBINAAN HOSPITAL, PUSAT KESIHATAN, SEKOLAH-SEKOLAH DAN RUMAH-RUMAH KAKITANGAN TIDAK LAMA LAGI.

KEDUA-DUA KEMENTERIAN ITUJUGA AKAN MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN MENGADAKAN SEKOLAH-SEKOLAH DAN PUSAT-PUSAT KESIHATAN BERHAMPIRAN SATU DENGAN LAINNYA DI SATU KAWASAN UNTUK MENGURANGKAN MASA DAN BELANJA PEMBINAAN, TERUTAMA BELANJA PENGANGKUTAN BAHAN-BAHAN BINAAN.

DENGAN CARA INI, HOSPITAL DAN SEKOLAH-SEKOLAH DAPAT DIDIRIKAN DENGAN LEBIH CEPAT UNTUK MENGADAKAN PERKHIDMATAN LEBIH BAIK KEPADA RAKYAT.

TAN SRI LEE BERKATA DEMIKIAN SETIBANYA DI LAPANGAN ANTARA-BANGSA KUALA LUMPUR DARI PULAU PINANG.

BELIAU AKAN MENEMUI MENTERI PELAJARAN MENGENAI PERKARA ITU TIDAK LAMA LAGI. --BERSAMBUNG 1510/IK

556

KESIHATAN-SIOK YEW 2 KUALA LUMPUR (EX)

MENGENAI PERKHIDMATAN AMBULAN LUAR BANDAR, MENTERI ITU BERKATA, SEBANYAK 12 BUAH AMBULAN SEDANG MENJALANKAN PERKHIDMATAN PERCUBAAN JIKA PERKHIDMATAN ITU BERJALAN DENGAN BAIK LEBIH BANYAK AMBULAN AKAN DIHANTAR KE LUARBANDAR.

MENGENAI KEMUDAHAN KESIHATAN DI KAWASAN-KAWASAN KURANG MAJU, TAN SRI LEE BERKATA, MEMANG MENJADI DASAR KEMENTERIANNYA UNTUK MEMBERIKAN KEUTAMAAN KEPADA NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK.

KEMENTERIANNYA BERHARAP UNTUK MENGELUARKAN ANTARA 700 HINGGA 750 ORANG JURURAWAT DAN KAKITANGAN PERUBATAN SETAHUN MENJELANG TAHUN 1976 APABILA DUA BUAH LAGI SEKOLAH LATIHAN DIBUKA DI IPOH DAN DI KOTA BAHRU. -- BERNAMA 1515/IK